

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 07 FEBRUARI 2014 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Taiace cipta produk inovasi baharu jimat tenaga	Bernama.com



## Taiace Cipta Produk Inovasi Baharu Jimat Tenaga

NILAI, 6 Feb (Bernama) -- Taiace Engineering Sdn Bhd (Taiace), sebuah syarikat Bumiputera, mencipta satu produk inovasi baharu berteknologi tinggi berasaskan teknologi hijau yang mampu memberi penjimatan sehingga 17 peratus tenaga elektrik setiap bulan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** berkata produk itu diuji pada Ogos 2012 di Politeknik Merlimau, Melaka dan didapati berkesan untuk penjimatan tenaga yang berpanjangan.

"Peralatan ini sudah diluluskan untuk digunakan di semua 32 politeknik di seluruh negara," katanya kepada pemberita selepas melawat kilang Taiace di Nilai, Khamis.

Beliau berkata syarikat tersebut telah membekalkan alat berkenaan kepada 12 negara termasuk Australia, Korea, New Zealand, Singapura, Sweden dan Amerika Syarikat.

"Kerajaan telah mengiktiraf keberkesanannya dan Taiace sedang melihat untuk memasang produk itu di premis perniagaan, kilang dan bangunan kerajaan yang menggunakan tenaga elektrik dalam jumlah yang besar.

"Kementerian saya sedang mengkaji cara untuk menggunakan produk ini di bangunan kami," katanya.

--BERNAMA